

ACA - 3875  
INVC .....

STRATEGI KOMUNIKASI PELAJAR-PELAJAR MELAYU  
DALAM PERTUTURAN BAHASA INGGERIS

HAJAH AMINAH BT. HAJI MAHMUD

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan  
Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Moden  
Fakulti Bahasa dan Linguistik  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur

1996

Perpustakaan Universiti Malaya



A506002579

## DEDIKASI

Untuk keluarga ku yang dikasihi  
yang sama-sama mengharungi arus kehidupan  
menjiwai bahasa ...

Untuk ibu ku yang tidak sempat berjuang bersama ku  
Alfatihah dan doa yang berpanjangan ...

## PENGHARGAAN

Saya bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana mengurniakan kesihatan dan kekuatan kepada saya, dan dengan keredaan dan izinNya saya telah dapat menyelesaikan tesis ini dalam jangka masa yang sepatutnya.

Penghargaan yang paling utama dan ucapan jutaan terima kasih saya tujukan untuk Profesor Madya Dr. Elaine Morais yang telah membimbing saya dalam penulisan tesis ini. Kegigihan dan ketelitian beliau sebagai seorang penyelia telah mengajar saya erti kekuatan dan kesungguhan untuk menghasilkan tesis ini. Tunjuk ajar serta komen dan keyakinan yang diberikan kepada saya telah memberi perangsang dan semangat untuk saya lebih berusaha meneruskan dan menyelesaikan penulisan saya. Beliau juga banyak memberi idea yang bernas, galakan dan dorongan dalam kerja-kerja pengumpulan data. Segala pengorbanan dan bantuan yang telah dicurahkan tidak akan saya lupakan.

Di sini juga saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada informan-informan dari Kajian Sains Matematik dan Komputer di Institut Teknologi Mara (ITM), Shah Alam. Kerjasama yang diberikan oleh mereka

telah menghasilkan korpus yang berguna sekali untuk kajian dalam penulisan ini.

Kepada Ketua dan Penolong Ketua Pusat Bahasa ITM, Shah Alam yang telah memberi dorongan dan kemudahan mengguna alat-alat rakaman, saya ucapkan ribuan terima kasih. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih saya untuk kakitangan Media Pusat Bahasa yang telah membantu saya dengan rakaman video. Jasa yang diberikan tetap dikenang.

Saya ingin tujukan ucapan terima kasih ini khusus untuk Dr. Rohani bt. Ibrahim sebagai orang yang pertama memperkenalkan saya kepada Strategi Komunikasi dan beliaulah yang mula-mula sekali mendorong dan mencetuskan minat saya untuk menulis dalam bidang ini.

Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih saya untuk kakitangan Perpustakaan Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, terutama sekali Encik Choo Keng Koh yang telah memberi bantuan mencari buku-buku rujukan yang diperlukan.

Turut memberi sumbangan yang berharga kepada kejayaan penulisan ini ialah Puan Zaulin bt. Abd. Ghani yang tidak jemu-jemu menaip dengan tekun dan penuh

kesabaran. Segala bantuan yang diberikan, saya ucapkan ribuan terima kasih.

Di sini saya ingin merakamkan juga ucapan terima kasih kepada sahabat handai dan rakan-rakan sekerja yang secara langsung atau pun tidak memberi galakan dan dorongan sepanjang pengajian saya.

Akhir sekali, saya bersyukur kerana mempunyai seorang suami yang sentiasa memberi sokongan moral. Beliau juga telah banyak mengeneipkan ego seorang lelaki dan membantu saya dalam segala hal. Untuk suami dan puteri-puteri saya yang turut membantu mengumpul data transkrip dengan gigih sekali, ucapan terima kasih yang tidak terhingga.

Hajah Aminah Haji Mahmud  
Sarjana Pengajian Bahasa Moden  
Fakulti Bahasa dan Linguistik  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur

3 Mac, 1996.

## ABSTRAK

Penyelidikan yang dijalankan memberi tumpuan kepada penggunaan strategi komunikasi oleh pelajar-pelajar Melayu semasa berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris. Kajian ini dirasakan penting kerana masih ramai pelajar di Malaysia khususnya pelajar Melayu yang tidak dapat bertutur dalam bahasa Inggeris dengan baik walaupun mempelajarinya lebih daripada sepuluh tahun. Namun, mereka dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi semasa berkomunikasi dan dapat menyampaikan mesej yang boleh difahami oleh pendengar walaupun bahasa yang digunakan itu tidak boleh dianggap sebagai satu pencapaian yang tinggi. Dengan ini, tumpuan hanya diberikan kepada jenis-jenis strategi yang digunakan oleh mereka untuk menangani masalah apabila mereka bertutur dalam bahasa Inggeris.

Informan dalam kajian ini terdiri daripada pelajar di Institut Teknologi Mara (ITM), Shah Alam. Mereka diberi tugas menghasilkan data lisan dan kesemua transkrip diambil dari petikan rakaman video, dan kemudian dianalisa dengan teliti untuk melihat jenis-jenis strategi komunikasi yang digunakan untuk menyampaikan mesej. Strategi yang paling kerap dan paling berkesan juga dikenal pasti. Selain daripada

ini, strategi komunikasi juga dapat dihubungkan dengan tahap kecekapan dan latar belakang bahasa yang digunakan oleh pelajar. Rumusan dan kesimpulan juga telah dibuat dari data yang telah dianalisis dan kajian masa depan dicadangkan.

Dari aspek pedagogi pula seorang pengajar dapat mendorong pelajar bahasa kedua untuk berkomunikasi dengan jayanya dan kejayaan ini lama kelamaan akan membawa kepada pembelajaran bahasa. Dengan ini penggunaan strategi patut diberi galakan kepada pelajar-pelajar bahasa kedua.

## KANDUNGAN

	Halaman
DEDIKASI	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	vi
KANDUNGAN	viii
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI CARTA	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
<b>BAB 1 : LATAR BELAKANG KAJIAN</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Kesukaran Dalam Pembelajaran Bahasa Inggeris	2
1.2 Pendedahan Kepada Bahasa Inggeris	5
1.3 Sikap Terhadap Bahasa Inggeris	6
1.4 Masalah Penguasaan Bahasa Inggeris	8
1.4.1 Masalah Fonologi	9
1.4.2 Masalah Morfologi	11
1.4.3 Masalah Sintaksis	13
1.4.4 Masalah Leksikal	15
1.5 Sistem Pendidikan Malaysia	17
1.6 Kepentingan Kajian	20
1.7 Skop Kajian	22
1.8 Objektif Kajian	24



## **BAB 2 : TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN**

2.0	Pengenalan	26
2.1	Teori Tentang Strategi Komunikasi	28
2.2	Strategi Komunikasi Sebagai Satu Aspek Dalam Sistem Antarabahasa	34
2.3	Isu-isu Yang Bercanggah	38
2.3.1	Strategi Pembelajaran dan Strategi Komunikasi	39
2.3.2	Strategi dan Proses	46
2.4	Definisi Strategi Komunikasi	49
2.5	Ciri-ciri Dalam Definisi Strategi Komunikasi	52
2.5.1	Strategi Komunikasi Yang Berorientasikan Masalah	53
2.5.2	Kesedaran	55
2.5.3	Saling Bertindak (Interactional)	56
2.5.4	Psikolinguistik	<b>58</b>
2.6	Klasifikasi dan Taksonomi Strategi Komunikasi	62

## **BAB 3 : KAEDAH PENYELIDIKAN**

3.0	Pengenalan	70
3.1	Kaedah Penyelidikan	70
3.2	Pemerolehan Data Lisan	72
3.2.1	Tugasan Lisan Berpandukan Gambar	73
3.2.2	Tugasan Lisan Separuh Berpandu	74
3.2.3	Tugasan Perbualan Berpandu	74
3.3	Latar Belakang Informan	75
3.4	Rasional Pemilihan Soalan	85

3.5	Rangka Kerja	88
<b>BAB 4 : PENGANALISAAN DATA</b>		
4.0	Pengenalan	91
4.1	Kriteria Mengenal Pasti Strategi Komunikasi	91
4.2	Analisa Data Transkrip	92
4.2.1	Strategi Pengulangan	98
4.2.2	Strategi Parafrasa	104
4.2.3	Strategi Terjemahan Literal	105
4.2.4	Strategi Penghampiran	108
4.2.5	Strategi Pengelakan	110
4.2.5.1	Pengelakan Topik	110
4.2.5.2	Meninggalkan Mesej	113
4.2.6	Strategi Penukaran Kod Bahasa	115
4.2.7	Strategi Rayuan Bantuan Kerjasama	118
4.2.7.1	Rayuan Secara Langsung	118
4.2.7.2	Rayuan Secara Tidak Langsung	119
4.2.8	Strategi Penggunaan Perkataan Yang Tidak Betul	122
4.2.9	Strategi Bukan Verbal	123
4.2.9.1	Untuk Mengganti Ujaran	123
4.2.9.2	Menyertai Ujaran	124
4.2.10	Strategi Generalisasi Terlampau	125
4.2.11	Strategi Lain Yang Ditemui	126

<b>BAB 5 : PENEMUAN UTAMA, RUMUSAN DAN KESIMPULAN</b>	
5.0 Pengenalan	128
5.1 Strategi Yang Paling Kerap Ditemui	128
5.2 Strategi Yang Paling Berkesan Untuk Menyampaikan Mesej	130
5.3 Hubungan Strategi Komunikasi Dengan Tahap Penguasaan Bahasa Kedua	132
5.4 Hubungan Strategi Komunikasi Dengan Latar Belakang Bahasa Yang Digunakan	134
5.5 Implikasi Pedagogi	136
5.6 Rumusan dan Kesimpulan	138
5.6.1 Rumusan	138
5.6.2 Kesimpulan	141
5.7 Cadangan Kajian Masa Depan	145
<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>148</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>155</b>

## SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1 : Kontinum Sistem Antarabahasa Pelajar	37
Rajah 2 : Matlamat Komunikasi dan Strategik	54
Rajah 3 : Model Umum Penghasilan Pertuturan	60

## SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1 : Tipologi Strategi Komunikasi Tarone	63
Jadual 2 : Taksonomi Untuk Kajian Ini	69
Jadual 3 : Aspek Paling Penting Dalam Penggunaan Bahasa Inggeris	81
Jadual 4 : Pendedahan Kepada Bahan Bacaan	84
Jadual 5 : Jumlah Strategi Komunikasi Yang Ditemui dan Peratus Strategi Komunikasi Yang Digunakan	97

## SENARAI CARTA

	Halaman
Carta Bar : Kepentingan Pembelajaran Bahasa Inggeris	79

## SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
LAMPIRAN A : Soal Selidik	155
LAMPIRAN B : Gambar Untuk Tugas Bercerita	160
LAMPIRAN C : Contoh Data 1: Tugas Bercerita	161
LAMPIRAN D : Contoh Data 2: Tugas Lisan	164
LAMPIRAN E : Situasi Untuk Tugas Perbualan	168
LAMPIRAN F : Contoh Data 3: Tugas Perbualan	169